

13/04/2004

Bimbang rakyat jadi kaduk naik junjung

Yope Key-Dare

DENGAN liputan meluas tingginya harapan terhadap kerajaan khususnya wakil rakyat Barisan Nasional (BN), ia seolah-olah mahu memanjakan masyarakat.

Dibimbangi kelak, jika kambing belaan dilanggar lori, wakil rakyat dan kerajaan juga dipersalahkan.

Penulis faham matlamat kerajaan khususnya Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebaik BN memenangi dengan cemerlang pilihan raya umum lalu.

Kaedah yang digunakan untuk mencapai matlamat itu bagi memastikan kerajaan dan wakil rakyatnya berkhidmat dengan baik demi pembangunan negara dan kesejahteraan hidup.

Namun, kejayaannya bukan terletak kepada usaha kerajaan dan wakil rakyat semata-mata. Segala-galanya harus disertakan dengan kerjasama erat rakyat jelata.

Dalam hal ini penulis teringatkan pujian bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad terhadap rakyat yang tidak melakukan perkara yang boleh menjejaskan negara seperti mogok, tatkala kerajaan memperkenalkan langkah dilihat tidak popular demi menangani kegawatan ekonomi pada 1997.

Ketika itu hubungan yang terus harmoni antara kerajaan dengan rakyat bagaikan `berat sama dipikul, ringan sama dijinjing'.

Sebagaimana kerjasama baik yang rakyat hulurkan kepada kerajaan ketika ekonomi gawat, begitulah juga sekarang di bawah kepemimpinan baru.

Rakyat seharusnya tidak salah sangka pendekatan Abdullah yang setakat ini dilihat lebih menyebelahi rakyat.

Beliau terlalu menyebelahi rakyat hinggakan beliau mengumpamakan diri sebagai `kuli' nombor satu. Kalau begitulah Abdullah meletakkan dirinya sebagai kuli, apatah lagi mereka yang di bawah khususnya wakil rakyat?

Dalam hal ini rakyat harus sedar, segala pendekatan yang kerajaan ambil melambangkan sikap merendah diri demi memastikan perasaan `kebersamaan' dalam menjayakan agenda pembangunan.

Janganlah dengan Perdana Menteri begitu merendah diri mengumpamakan dirinya kuli, rakyat menjadi kaduk naik junjung pula.

YOPE KEY-DARE,
Kuantan